# Panduan untuk Kisah Kejayaan
## *Guide for Success Stories*

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).
*The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).*

**Types of Success Story** *(please tick (√) one)*

- ◻ Keusahawanan
- √ Celik ICT / Komuniti Pintar

**Service Provider** *(please tick (√) one)*

- √ Telekom Malaysia (TM)
- ◻ Celcom
- ◻ Maxis
- ◻ Digi
- ◻ Packet 1 (P1)
- ◻ Time
- ◻ Redtone
- ◻ Danawa

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Maklumat PI1M** | **Nama PI1M**: *Pusat Internet 1Malaysia Kuala Klawang*<br>**Nama Pengurus**: *Aniza Binti Ayit* — **No. Telefon**: *0132468540*<br>**Nama Penolong Pengurus**: *Muhammad Syafiqullah B. Badrulsham* — **No. Telefon**: *01123007696*<br>**Email**: *kualaklawang@pi1m.com.my* |
| **Lokasi** | **Daerah**: *Jelebu* — **DUN**: *Chennah*<br>**Mukim**: *Ulu Triang* — **Parlimen**: *Jelebu*<br>**Negeri**: *Negeri Sembilan* |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Maklumat Individu/ Organisasi</td><td>
<table>
<tr><td>Nama</td><td>Muhd Afiq Saifullah B. Hasli</td><td>Umur</td><td>12 tahun</td></tr>
<tr><td>Email</td><td>-</td><td>No. Telefon</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Alamat</td><td>B 12 Rumah Murah Petaling</td><td>Tahun menjadi Ahli PI1M</td><td>2014</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Bentuk perniagaan</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Kisah kejayaan</td><td>
<u>Latar belakang</u><br><br>
Saya adalah seorang pelajar sekolah rendah yang bersekolah di sekolah yang berhampiran dengan Pi1M. Saya telah menggunakan perkhidmatan di Pi1M sejak tahun 2014 lagi, sejurus selepas menjadi ahli berdaftar Pi1M.<br><br>
<u>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u><br><br>
Saya berkunjung ke Pi1M pada mulanya untuk mendapatkan perkhidmatan internet sahaja. Setelah saya mendapat tahu terdapat latihan ICT di sini, saya terus berminat untuk menyertai kelas yang diadakan. Saya telah mengikuti kelas seperti Intel Easy Steps (Microsoft Office), Publisher, aplikasi Paint, kelas atas talian seperti Unicliq, e-pembelajaran, Klik Dengan Bijak, dan lain-lain kelas yang diadakan. Saya berasa amat seronok kerana dapat mengisi masa lapang semasa musim cuti sekolah, selain dapat meningkatkan kemahiran saya untuk menggunakan komputer dan internet.<br><br>
<u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u><br><br>
Saya telah berupaya menggunakan komputer tanpa bimbingan orang lain. Saya juga boleh memberi tunjuk ajar kepada rakan-rakan saya apabila mereka tidak dapat membuat tugasan seperti yang ditunjukkan semasa mengikuti kelas. Kemahiran saya yang bertambah baik meningkatkan keyakinan saya untuk terus mengikuti kelas ICT di sini.
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>Setelah mengikuti beberapa siri kelas yang diadakan sejak dari tahun 2014 hingga ke tahun 2016, saya telah banyak mendapat ilmu pengetahuan mengenai dunia teknologi maklumat. Kemahiran saya juga semakin baik, saya sudah boleh menggunakan aplikasi Microsoft Office seperti Word dan Powerpoint (menaip surat, membuat pembentangan) memuat turun gambar dan lagu, membuka aplikasi komputer seperti Paint, membuat sampul hari raya, menulis menggunakan papan kekunci dengan lebih laju, membuat video dan lain-lain.</td></tr>
<tr><td>Penggunaan PI1M</td><td><u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u><br><br>- Mempelajari Microsoft Office seperti Word (pemprosesan kata), Powerpoint (multimedia ) dan Excel (lembaran kerja)<br>- Mempelajari mengenai laman sesawang, pelayar web, langkah-langkah membuat carian di internet<br>- Mempelajari Intel Learn Easy Steps<br>- Mempelajari asas membuat video ringkas<br><br><u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u><br><br>- Saya berupaya menggunakan komputer dan internet tanpa bimbingan</td></tr>
<tr><td>Online Platform</td><td><table><tr><td>Laman Web</td><td>-</td><td>Blog</td><td>-</td></tr><tr><td>FB</td><td>-</td><td>Instagram</td><td>-</td></tr><tr><td>Whatsapp</td><td colspan="3">-</td></tr></table></td></tr>
</table>

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Gambar & Keterangan** | i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawanan yang dihadiri<br><br>Gambar (i)<br><br>Gambar (ii)<br><br>Gambar (iii) |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
| --- | --- |




Gambar (iv)




Gambar (v)



Gambar (vi)

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br>Gambar (vii)<br>Caption :<br><br>Gambar (i) Peserta sedang mengikuti kelas e-Pembelajaran<br>Gambar (ii) Peserta sedang mengikuti kelas Matematik secara atas talian<br>Gambar (iii) Peserta sedang menguji minda dengan laman web pendidikan<br>Gambar (iv) Peserta dan ahli-ahli Pi1M yang lain menghasilkan sampul duit raya dan membuat persembahan<br>Gambar (v) Peserta sedang mengikuti kelas sempena bulan kemerdekaan<br>Gambar (vi) Peserta sedang menghasilkan persembahan menggunakan Powerpoint<br>Gambar (viii) Peserta mengikuti kelas aplikasi ICT dalam pembelajaran<br><br>i) Produk / Hasil Transformasi<br><br><br>Caption : Hasil dari latihan yang dijalankan peserta berupaya untuk membuat *Oral presentation* sendiri |
| **Maklumbalas** | *PI1M banyak membantu dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT para peserta disokong oleh pelbagai kemudahan yang disediakan di Pi1M.* |